

**Najib Ucap Tahniah Atas Kejayaan Nicol Juara Terbuka Malaysia
Bernama
16 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan tahniah kepada Datuk Nicol Ann David atas kejayaan merangkul kejuaraan Skuasy Terbuka Malaysia CIMB untuk kali kelapan, semalam.

Perdana menteri menyifatkan keupayaan Nicol merampas kembali kejuaraan itu dalam saingan wanita daripada juara bertahan Raneem El Weleily dari Mesir sebagai kejayaan membanggakan.

"Tahniah kepada @NicolDavid kerana berjaya merampas kembali kejuaraan Women's CIMB Malaysian Open. Sungguh membanggakan!," kata Najib menerusi laman Twitter beliau.

Pada aksi final yang berlangsung di pusat beli-belah The Curve di Mutiara Damansara dekat sini semalam, Nicol mencatat kemenangan straight set 11-8, 11-7 dan 11-6 ke atas Raneem.

Pemain pilihan utama berusia 30 tahun itu mengambil masa 34 minit untuk menebus kekecewaan terhadap pemain Mesir itu yang menyekat penguasaan Nicol selama tujuh tahun berturut-turut pada edisi tahun lepas.

Pada edisi 2012, Nicol kalah mengejut 3-1 kepada Raneem, pemain berusia 24 tahun yang menduduki ranking ketiga dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978038>